SOALAN NO: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 16 MAC 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian jika sekiranya Kementerian menggalakkan syarikat memberikan kenaikan 6% kepada gaji pekerja sejajar dengan pelaksanaan GST.

PR-1331-L66902

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pada pandangan Kementerian Sumber Manusia, cadangan kenaikan gaji kepada pekerja supaya sejajar dengan pelaksanaan GST adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing kerana secara

amalannya, kebanyakan majikan di Malaysia telah menyatakan terma-terma kenaikan gaji di dalam kontrak perkhidmatan atau Perjanjian Kolektif mereka. Pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan kadar kenaikan gaji kepada pekerja sektor swasta melalui undang-undang.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengalu-alukan inisiatif majikan untuk memberikan kenaikan gaji yang munasabah untuk memotivasikan pekerja dalam mengendalikan kenaikan kos sara hidup.

SOALAN 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN GOOI HSIAO-LEUNG** **[ALOR SETAR]**
TARIKH	:	**16 MAC 2015 (ISNIN)**

TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah tangkapan yang dibuat atas penyeludupan petrol dan diesel ke Thailand dari Malaysia dan anggaran jumlah kuantiti dan nilai petrol dan diesel yang telah di seludup ke Thailand dalam lima tahun dari 2010 sehingga 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2015, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil sebanyak 1,627 kes kerana kesalahan cubaan menyeludup petrol dan diesel ke Thailand.

Dari jumlah kes tersebut, sebanyak 1,204 kes melibatkan rampasan 720,324 liter petrol dengan nilai dianggarkan sejumlah RM1.4 juta sementara sebanyak 423 kes melibatkan rampasan 654,470 liter diesel dengan nilai dianggarkan sejumlah RM1.3 juta.